

WILAYAH JIHAD DI DAR AL-ISLAM

Oleh
Mustaffa Abdullah*

Abstract

Striving in the way of God to spread Islam should be practised based on muslim's ability. Therefore this article aims to discuss the implementation of jihad by the prophet Muhammad s.'a.w. and his followers at Dar al-Islam after hegira on 622 A.D from Mecca to Medina.

Perlaksanaan konsep jihad telah memberikan kesan secara langsung ke atas umat sejagat, memandangkan objektif di sebalik syariat penurunannya adalah untuk memberikan cahaya petunjuk dan kebenaran Islam kepada umat manusia secara menyeluruh, seperti mana yang dijelaskan oleh Allah yang bermaksud: “*Kami tidak mengutus engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk sekalian umat manusia, untuk memberi khabar gembira dengan syurga, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui*”.¹

Perlaksanaan jihad berlaku selari dengan arus kebangkitan Islam secara pantas dalam dua peringkat utama iaitu semasa di Mekah dan di Madinah. Sehubungan dengan itu sudah sewajarnya ruang lingkup, kawasan atau wilayah jihad menjangkau luas sesuai dengan peredaran masa tersebut.

Wilayah jihad secara ringkasnya dapat dibahagikan kepada dua peringkat utama, iaitu *Dar al-Islam* dan *Dar al-Harb*. Pembahagian ini tidak dijelaskan oleh al-Qur'an maupun hadith Rasulullah s.'a.w. Walau bagaimanapun terdapat beberapa ayat yang dapat difahami kandungannya menyelitkan persoalan tersebut. Tambahan

*Pensyarah di Jabatan Al-Qur'an & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

¹Surah Saba' (34): 28.

pula realiti daripada sirah Rasulullah s.'a.w yang telah bekerja keras melaksanakan kerja-kerja jihad selama 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah dapat dijadikan sandaran untuk membenarkan kenyataan ini.

Dari sudut bahasa perkataan *dar* bermaksud sesuatu tempat, kawasan atau negeri.² Walau bagaimanapun dari sudut istilah ia membawa maksud *al-daulah* atau negara.³ Ia bermaksud bernaung di bawah sesebuah kerajaan yang dikuasai dan mengakui syiar-syiar yang ada padanya.

Dar al-Islam merupakan *dar al-salam* iaitu tempat tinggal yang sejahtera yang menghimpunkan berbagai bangsa di bawah payung rahmat Islam. Ia diperjelaskan oleh al-Asy'ari yang berpendapat *Dar al-Islam* bermaksud setiap orang yang berada di bawah penguasaan Islam dan melaksanakan padanya setiap hukum hakam dan syiar-syiar agama Islam.⁴

Oleh yang demikian adalah menjadi satu kewajipan kepada setiap individu muslim mempertahankannya dari sebarang pencerobohan, malah seluruh umat Islam akan berdosa sekiranya meninggalkan perintah tersebut. Seterusnya penguasaan orang-orang kafir ke atas orang-orang Islam tidak mampu menghilangkan wajibnya jihad ke atas umat Islam.

Rasulullah s.'a.w. bersabda:

"Perumpamaanku terhadap kamu adalah seperti sayyid sesebuah dar (negara), diberikan sebuah hidangan dan diutuskan seorang penyeru. Dia dapat memasuki dar itu dan dapat menikmati hidangan yang disediakan serta mendapat keredaan sayyid. Tetapi sesiapa yang tidak menyahut seruan penyeru, mereka tidak dapat memasuki dar, tidak dapat menikmati juadah yang dihidangkan dan tidak mendapat keredaan sayyid. Sayyid adalah Allah, dar

²Ibn Faris, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, Tahqiq: 'Abd al-Salam bin Muhammad Harun, Cet. ii, Maktabah Mustafa al-Baby al-Halaby, Misr, (1390-1970), jld. ii, hlm. 310-311; al-Raghib, *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*, Tahqiq: Muhammad Rashid Kailani, Cet. akhir, Maktabah Mustafa al-Baby al-Halaby, Misr (1381-1961), hlm. 174.

³Al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Dar al-Katib al-'Arabi, (1387-1967), jld. viii, hlm. 328.

⁴Al-Asy'ari, *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, Tashih: Muhy al-Din 'Abd al-Majid, Cet. ii, Maktabah al-Nahdah al-Islamiyyah al-Qahirah (1389-1969), jld. ii, hlm. 137; Muhammad Abdurrahman, *Tafsir al-Manar*, Maktabah al-Qahirah, (t.t), jld. x, hlm. 368.

adalah Dar al-Islam, hidangan ialah syurga manakala penyeru ialah Nabi Muhammad s. 'a.w. "⁵

Al-Mawardi dalam bukunya *al-Ahkam al-Sultaniyyah* memetik sebuah hadith Rasulullah s.'a.w. maksudnya: “*Negara Islam (Dar al-Islam) melindungi apa yang terdapat di dalamnya dan negara kafir (Dar al-Harb) mengharuskan apa yang terdapat di dalamnya*”. Seterusnya orang-orang kafir yang berada di bawah pemerintahan *Dar al-Islam* disebut sebagai *al-Dhimiyin* atau orang-orang kafir *dhimmi* yang sanggup melakukan taat setia kepada pemerintah Islam dan mengeluarkan *jizyah*. Persoalan ini dijelaskan oleh Allah, maksudnya:

*“Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat, mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan rasulNya dan tidak pula beragama dengan agama yang benar, iaitu antara ahli-ahli kitab kecuali mereka membayar jizyah dengan tangannya sendiri dan merekalah orang-orang yang hina”.*⁶

Melihat kepada keistimewaannya yang jelas menyebabkan Muhammad Abduh menyifatkan *Dar al-Islam* sebagai *Dar al-'Adl* kerana menurutnya keadilan adalah di antara ciri-ciri yang diterapkan ke atas setiap individu secara menyeluruh dan adil dalam negara tersebut.⁷

Dengan demikian *Dar al-Islam* bererti sebuah wilayah bebas dan selamat bagi orang-orang Islam dan mereka mempunyai autoriti ke atas pentadbiran negara, pengurusan ekonomi dan sebagainya.⁸ Perubahan ini telah memberikan kesan yang besar kepada bentuk-bentuk perlaksanaan jihad sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah.

⁵Al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, Cet. ii, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Tehran (t.t), jld. xvii, hlm. 74.

⁶Surah al-Taubah (9): 29.

⁷Muhammad Abduh, *op.cit*, jld. x, hlm. 368.

⁸Muhammad Hamidullah, *Muslim Conduct of State*, Cetakan iv, Sh. Muhammad Ashraf, Lahore (1961), hlm. 84, 126-131; Wahbah al-Zuhaili, *Athar al-Harb fi al-Fiqh al-Islami*, Dar al-Fikr, Beirut (t.t), hlm. 192-196; F.A. Klien, *The Religion of Islam*, Curzon Press, London (1971), hlm. 177.

KONSEKWEN (NATIJAH) JIHAD DI DAR AL-ISLAM

Peristiwa hijrah berlaku pada tahun 622 masehi memberi erti yang besar kepada Islam dengan tertegaknya Dar al-Islam Madinah. Ini kerana berlakunya perubahan secara drastik ke atas status dan kedudukan umat Islam serta mempengaruhi suasana jihad yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Realiti ini dapat dilihat apabila orang-orang bukan Islam terbahagi kepada tiga golongan:

- 1) Golongan yang membuat perjanjian damai dengan orang-orang Islam, mereka berjanji tidak akan menyerang, memberontak dan menolong pihak musuh menentang orang-orang Islam, mereka bebas melaksanakan upacara agama. Nyawa dan harta benda mereka berada dalam keadaan selamat.
- 2) Golongan yang bermusuh dengan orang-orang Islam.
- 3) Golongan yang tidak membuat permusuhan, dan mereka yang tidak membuat perjanjian damai dengan orang-orang Islam. Di antara mereka ada yang lebih suka membantu orang-orang kafir dan setengahnya bersikap talaam dua muka demi menjaga kepentingan hidup. Mereka adalah golongan munafik.⁹

Namun orientasi jihad di wilayah tersebut tidak mengubah dasar defensif yang dikemukakan oleh al-Qur'an¹⁰, kerana peperangan yang dikemukakan adalah satu tindak balas untuk menjaga kehormatan Islam dan penganut-penganutnya dari sebarang anasir subversif dan ancaman orang-orang bukan Islam yang mengganggu-gugat kedudukan Islam.

Malah sifat permusuhan orang-orang kafir menjadi faktor utama berlakunya konflik tersebut. Contohnya peperangan Ahzab yang berlaku pada Syawwal tahun kelima hijrah, di mana orang-orang Mekah dan Madinah serta golongan Yahudi dari Bani Nadir, Ghatfan, Murrah dan sebagainya bersatu tenaga memerangi Nabi Muhammad dan para pengikutnya.¹¹

Permusuhan dari musuh-musuh Islam masih berterusan hingga ke abad ini sepetimana ucapan Setiausaha Agung Pertubuhan North Atlantic Treaty Organiza-

⁹Ibn al-Qayyim, *Zad al-Ma'ad fi Huda Khair al-'Ibad*, Tahqiq: Syu'ib al-Arnaut dan 'Abd al-Qadir, Cet. xxv, Mu'assasah al-Risalah, Beirut (1412-1991), jld. iii, hlm. 126.

¹⁰Surah al-Baqarah (2): 190, 191, 193, 217; Ali 'Imran (3): 167; al-Anfal (8): 39; al-Taubah (9): 12, 29, 36, 123; al-Haj (22): 39.

¹¹Al-Tabari, *Tarikh al-Tabari*, jld. ii, hlm. 564-566; al-Ya'qubi, *Tarikh al-Ya'qubi*, jld. ii, hlm. 50-51; Ibn Sa'd, *Tabaqat al-Kubra*, Dar Sadir Beirut, (1377-1358), jld. ii, hlm. 65-77.

tion (NATO) pada persidangan NATO di Munich pada 20 Februari 1995 yang berkata:

“Bahaya pihak fundamentalis Islam lebih kurang sama dengan bahaya Komunis dahulu, selepas Komunis tidak ada lagi musuh kita selain Islam”¹²

Walau apa pun, kekuatan politik, ekonomi dan beberapa aspek yang lain telah mempengaruhi bentuk-bentuk perlaksanaan jihad. Ini dapat dibuktikan menerusi beberapa tindakan yang diambil oleh Rasulullah s.‘a.w. berhubung dengan perkara tersebut, antaranya:

Perutusan surat kepada ketua-ketua negara asing mengajak mereka mengenal Islam.¹³ Perutusan tersebut juga dihantar kepada ketua-ketua kabilah di Semenanjung Tanah Arab, surat kepada ketua negara Iran,¹⁴ Empayar Rum Timur,¹⁵ Raja Najasyi Habsyah¹⁶ dan sebagainya.¹⁷

Malah kesemua *sariyyah* (peperangan kecil) dan peperangan samada dihadiri oleh Rasulullah s.‘a.w. sendiri atau diwakili oleh panglima tentera yang telah dilantik oleh baginda adalah berlaku selepas hijrah.¹⁸

¹²Fathi Yakan, “Cabaran Abad 21 Dari Aspek Kefahaman Fitrah” dalam Majalah *Tamadun*, Kuala Lumpur, September/Oktober 1997, hlm. 23.

¹³Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Mustafa al-Baby al-Halaby, Misr (1378-1959), jld. I, hlm. 164; al-Tabari, *Ibid.*, hlm. 645; Hamidullah, *Majmu‘ah al-Watha’iq al-Siyasiyah*, Cet. ii, al-Lajnah al-Ta’lif wa al-Tarjumah wa al-Nasyr, al-Qahirah (1956), hlm. 50.

¹⁴Al-Qalqasyandi, *Subh al-A‘sya*, Matba‘ah al-Amiriyah, al-Qahirah (1333-1915), jld. vi, hlm. 377-378; al-Tabari, *Ibid.*, hlm. 3, 90; Ibn al-Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, Dar Sadir Beirut (1399-1979), jld. ii, hlm. 81.

¹⁵Ibn Hajar, *op.cit.*, jld. ix, hlm. 190-191; Muslim, *op.cit.*, jld. iii, hlm. (1397-1398); al-Tabari, *Ibid.*, jld. iii, hlm. 87; Ibn al-Athir, *Ibid.*, jld. ii, hlm. 81; al-Qalqasyandi, *Ibid.*, jld. vi, hlm. 376-377.

¹⁶Al-Qalqasyandi, *Ibid.*, jld. vi, hlm. 379; al-Tabari, *ibid.*, jld. ii, hlm. 652-653; Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah fi Ma‘rifah al-Sahabah*, ed. Muhammad Ibrahim al-Banna, Dar al-Sya‘b, al-Qahirah (1319-1970), jld. I, hlm. 62.

¹⁷Hamidullah, *op.cit.*, hlm. 61-65.

¹⁸Keterangan lanjut sila lihat Ibn Hisyam, *Sirah al-Nabawiyyah*, ed. Mustafa al-Saqa, Cet. ii, Mustafa al-Baby al-Halaby, Misr (1375-1955), jld. I, hlm. 595; al-Ya‘qubi, *op.cit.*, jld. ii, hlm. 69-70; al-Waqidi, *al-Maghadhi*, ed. Marsden John, ‘Alam al-Kutub, Beirut (1966), jld. I, hlm. 9-10; Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, cet. i. Maktabah al-Ma‘arif, Beirut (1966), jld. iii, hlm. 234.

Kesan yang paling jelas di sebalik perlaksanaan jihad di *Dar al-Islam* dapat dilihat apabila orang-orang kafir diberi peluang memilih salah satu dari tiga perkara berikut:

- i. Menerima Islam.
- ii. Dibunu. Harta, anak dan isteri dijadikan sebagai tawanan.
- iii. Membayar jizyah. Mereka mendapat jaminan keselamatan dari sebarang pencerobohan terhadap diri, harta dan sebagainya.¹⁹

Seorang sahabat iaitu Abi Abdullah berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.‘a.w. menerima *al-jizyah* daripada ahli *al-dhimmah* dengan syarat mereka tidak memakan riba, daging babi, tidak berkahwin dengan adik perempuan dan anak saudara. Sesiapa yang melakukan perbuatan tersebut, maka dia akan terlepas dari *dhimmah* (jaminan) Allah dan rasulNya, malah mereka tidak berhak mendapat *dhimmah* tersebut. Fenomena ini menggambarkan situasi yang wujud setelah terlaksananya kewajipan jihad secara menyeluruh.

Kenyataan di atas adalah implikasi yang dicapai oleh umat Islam menerusi proses perlaksanaan jihad yang dilaksanakan dalam keadaan bebas di bawah pemerintahan *Dar Islam*.

Walau bagaimanapun kekaburan berhubung dengan jihad khususnya di *Dar al-Islam* telah membawa kepada kekeliruan segelintir para ulama tentang makna dan rahsia yang terkandung di sebalik perkataan *al-dhimmah* dan *al-jizyah*.

Persoalan ini telah ditegaskan oleh Ibn al-Qayyim dan beberapa orang ulama dengan mengatakan, “oleh kerana *al-dhimmah* menghendaki orang-orang bukan Islam membayar *al-jizyah*, maka perjanjian itu juga bertujuan untuk mendera mereka”.²⁰ Pendapat ini menggambarkan tentang hubungan yang tegang di antara orang-orang Islam dengan golongan lain.

¹⁹Muslim, *Sahih Muslim*, Cet. i, Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, Misr (1375-1955), jld. iii, hlm. 1356-1358.

²⁰Ibn al-Qayyim, *Ahkam Ahl al-Dhimmah*, Tahqiq: Subhi al-Salih, Maktabah al-Janiah, Damsyq (1961), jld. i, hlm. 8-9; Ibn Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Cet. v, Mustafa al-Baby al-Halabi, Misr (1401-1981), jld. i, hlm. 328; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Maktabah al-Riyad al-Hadithah (1401-1981), jld. iv, hlm. 285-289; Majid Khadduri, *War and Peace in The Law of Islam*, Cet. iv, The Johns Hopkins Press Baltimore, London (1969), hlm. 176-177.

Walau bagaimanapun persoalan ini telah mendapat perhatian para ulama dengan mengemukakan pandangan dan kupasan bernas berhubung dengan kewajipan membayar *al-jizyah* ke atas orang-orang kafir di bawah pemerintahan *Dar al-Islam*, samada bertujuan untuk mendera atau sebagainya.

Menurut al-Razi (m.606H / 1210M), *al-jizyah* yang diwajibkan ke atas orang-orang kafir bukan bermaksud mendera atau mengekalkan orang-orang kafir dalam kekuatan, sebaliknya ia bertujuan untuk menjaga dan memberi jaminan keselamatan terhadap nyawa dan harta benda dalam tempoh masa tertentu. Dengan harapan tempoh masa tersebut dapat memberikan peluang kepada mereka merasai kebaikan Islam dengan bukti-buktinya yang kukuh, akhirnya mereka dengan rela menerima Islam dan menolak kekuatan²¹

Sementara itu al-Tabarsi berpendapat bahawa tujuan di sebalik perintah *al-jizyah* ke atas orang-orang kafir bukan semata-mata bermaksud untuk memberi kesenangan keduniaan kepada para pemimpin dan umat Islam. Tetapi tujuannya yang utama ialah menegakkan agama Islam, menerapkan ciri-ciri keadilan dan kebenaran serta menentang kebatilan dan kemungkarhan. Pengambilan *al-jizyah* juga bertujuan menjaga kebijakan dan kepentingan hidup mereka dalam sebuah negara yang dikuasai oleh orang Islam.²²

Dengan demikian, persoalan penderaan yang dikemukakan oleh Ibn al-Qayyim telah diperjelaskan lagi oleh para ulama secara menyeluruh dalam usaha untuk mempastikan segala kecaburan berhubung dengan persoalan *al-jizyah* ini tidak terseleweng dari objektifnya yang utama.

Seterusnya hakikat ini dapat dilihat secara lebih jelas menerusi tindak tanduk dan juga keputusan yang telah dibuat oleh Rasulullah s.'a.w, di mana kaum wanita, kanak-kanak dan seumpamanya dari kalangan orang-orang kafir dikecualikan daripada membayar *al-jizyah*.

Sabda baginda

(لا جزية على النساء)

²¹Al-Razi, *op.cit*, jld. xvi, hlm. 30.

²²Al-Tabarsi, *Majma‘ al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*, Syarikah al-Ma‘arif, al-Islamiyyah (1379-1339), jld. v, hlm. 22.

Maksudnya:

“Tidak diwajibkan jizyah ke atas kaum wanita”²³

Dalam hadith yang lain seorang sahabat bertanya Ali bin Husayn tentang bagaimana kewajipan *al-jizyah* tidak dikenakan ke atas kaum wanita. Beliau menjawab: kerana Rasulullah s.‘a.w. melarang daripada membunuh kaum wanita dan juga kanak-kanak di *Dar al-Islam* melainkan jika mereka memerangi umat Islam. Memandangkan membunuh kaum wanita di *Dar al-Harb* adalah satu larangan, maka melakukan perbuatan demikian di *Dar al-Islam* adalah lebih keji.²⁴

Malahan kadar yang dikenakan ke atas golongan-golongan tersebut adalah sederhana dan berpatutan. Ia berdasarkan status dan keupayaan mereka. Hakikat ini dinyatakan oleh Rasulullah s.‘a.w :

(قُسْمٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى كُلِّ مُحْتَلِمٍ دِينَارًا وَقُسْمٌ عُمْرٌ عَلَى
الْفَقَرَاءِ مِنْ أَهْلِ الْذِمَّةِ اثْنَيْ عَشَرْ دِرْهَمًا وَعَلَى الْأَوْسَاطِ أَرْبَعَةٌ وَعِشْرِينَ وَعَلَى أَهْلِ
الثَّرِوَةِ ثَمَانِيَّةٌ وَارْبَعِينَ)

maksudnya:

*“Rasulullah s.‘a.w telah membahagikan *al-jizyah* ke atas orang yang telah sampai umur sebanyak satu dinar, dan Umar telah membahagikan ke atas golongan fakir miskin daripada kalangan ahli al-dhimmah 12 dirham, dan ke atas golongan sederhana sebanyak 24 dirham, sementara 48 dirham untuk golongan yang berada.”*

Amalan tersebut telah dilaksanakan oleh para sahabat, seperti Ali bin Abi Talib, di mana beliau mengambil *al-jizyah* daripada orang-orang kaya sebanyak 48 dirham, orang pertengahan sebanyak 24 dirham, manakala orang-orang miskin sebanyak 12 dirham berdasarkan kepentingan.²⁵

²³Muslim, *op.cit*, jld. iii, hlm. (1356-1358).

²⁴Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, Cet. ii, Muassasah al-Wafa’, Beirut (1403-1983), jld. xcvi, hlm. 64.

²⁵Al-Hilli, *al-Mukhtasar al-Nafi‘ fi Fiqh al-Imamiyyah*, Dar al-Katib al-‘Arabi, jld. i, hlm. 110.

Sementara itu kewajipan *al-jizyah* dipertanggungjawabkan kepada golongan lelaki yang terlibat dengan perang, manakala golongan yang tidak terlibat dengannya dikecualikan daripada kewajipan membayar *al-jizyah*. Pengecualian ini termasuk kaum wanita, orang-orang miskin, kanak-kanak, orang-orang tua, para paderi, orang-orang buta dan seumpamanya.²⁶ Keputusan yang dibuat oleh Rasulullah ini adalah selaras dengan firman Allah yang terdapat dalam surah al-Taubah (9): 29 mengenai perkara di atas.

Walau bagaimanapun kewajipan membayar *al-jizyah* akan terhapus dengan sendirinya apabila seseorang itu memeluk Islam atau meninggal dunia. Sabda Rasulullah s.‘a.w:

(لِسْ عَلَى الْمُسْلِمِ جُزِيَّة)

maksudnya:

“*Tidak diwajibkan jizyah ke atas orang-orang Islam.*”²⁷

Tindakan jihad di wilayah *Dar al-Islam* tetap berjalan di atas dasar keadilan Ilahi yang telah memberi pertimbangan utama kepada kepentingan umat secara menyeluruh selaras dengan firman Allah:

(لا ينهاكم الله عن الذين لم يقاتلوكم في الدين ولم يخربوكم من
ديركم ان تبروهم وتقسطوا اليهم ان الله يحب المحسنين)

maksudnya:

“*Allah tidak mlarang kamu berbuat baik terhadap orang-orang kafir yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Bahawa kamu bersikap baik*

²⁶Al-Qurtubi, *op.cit*, jld. ix, hlm. 112. Lihat juga al-Baidawi, *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Dar al-Fikr, Beirut (1405-1985), jld. i, hlm. 412.

²⁷Al-Razi, *op.cit*, jld. xv, hlm. 32.

dan berlaku adil kepada mereka. Sesungguhnya Allah sangat suka kepada orang-orang yang berlaku adil.”²⁸

Orang-orang *kafir al-dhimmī* yang berada di bawah pengawasan *Dar al-Islam* tidak terlepas daripada tindakan jihad yang akan dilancarkan oleh umat Islam sekiranya mereka melakukan dua kesalahan utama iaitu:

- i. melanggar perjanjian yang termeteri dengan orang-orang Islam
- ii. Mencaci keperibadian Rasulullah s.’a.w. dan menghina kesucian Islam.

Ketegasan berhubung dengan perkara ini dijelaskan dalam al-Qur’ān²⁹ dan juga hadith-hadith Rasulullah s.’a.w, antaranya:

(ان يهوديه كانت تشنم النبي صلى الله عليه وسلم وتقع فيه فحنتها رجل حتى مات فأبطل رسول الله صلى الله عليه وسلم دمهما)

maksudnya:

“Seorang perempuan Yahudi telah mencaci keperibadian Rasulullah s.’a.w. maka dia telah dicekik oleh seorang lelaki sehingga mati, dan Rasulullah s.’a.w. telah membatalkan kehormatan terhadap darahnya.”³⁰

Dalam sebuah hadith yang lain didapati sekumpulan daripada orang-orang Yahudi yang menghina Rasulullah s.’a.w telah dibunuh pada hari pembukaan kota Mekah dan dibebaskan orang-orang kafir yang tidak melaksanakan kesalahan tersebut. Mereka terdiri daripada empat orang lelaki dan dua orang wanita.³¹

²⁸Surah al-Mumtahinah (60): 8.

²⁹Surah al-Taubah (9): 61; Ibrahim (14): 12; al-Ahzab (33): 7,52, 53, 57, 69; al-Saf (61): 5.

³⁰Ibn al-Qayyim, *op.cit*, jld. v, hlm. 59.

³¹Pengharaman darah dan penghormatan kepada seseorang daripada sebaran pencerobohan dapat dilihat menerusi sebuah hadith Rasulullah s.’a.w. di mana pada hari pembukaan kota Mekah Rasulullah s.’a.w. telah membebaskan dan memberi jaminan keselamatan kepada semua orang kafir pada masa tersebut melainkan empat orang lelaki dan dua orang wanita. Nabi bersabda: “*Bunuhlah mereka walaupun kamu melihat mereka bergayut di tirai Ka’bah.*” Lihat al-Nasa’i, *Sunan al-Nasa’i*, Cet. I, Mustafa al-Baby al-Halaby, Misr (1383-1964), jld. vii, hlm. 97.

Dalam sebuah hadith yang lain ada menyatakan bahawa seorang paderi telah melawat Ibn Umar dan beliau diberitahu: “*Inilah seorang lelaki yang mencaci Nabi Muhammad s.‘a.w.*”. Lantas Ibn Umar berkata: “*Sekiranya aku mendengarnya sebelum ini nescaya aku telah membunuhnya. Sesungguhnya kita tidak akan memberikan kepada mereka keselamatan al-dhimmah ke atas orang yang menghina nabi kita.*”³²

Kenyataan yang telah disebutkan di atas menjelaskan tentang bentuk-bentuk dan situasi perlaksanaan jihad di *Dar al-Islam* yang menggambarkan tentang betapa pentingnya ciri-ciri kekuatan samada dari segi politik, ekonomi dan sebagainya dalam merealisasikan perintah Allah dalam kehidupan umat Islam khususnya jihad dalam ertikata yang sebenar. Keadaan ini bertepatan dengan firman Allah dalam al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.‘a.w, antaranya:

{وَاعْدُوهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تَرْهِبُونَ بِهِ
عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُوَّنِمْ}

maksudnya:

*“Dan bersedialah untuk melawan mereka apa-apa yang kamu mampu daripada kekuatan dan daripada persediaan kuda-kuda yang mampu kamu takutkan dengannya akan musuh Allah dan musuh lain dari mereka yang kamu tidak kamu ketahui.”*³³

KESIMPULAN

Kekuatan spiritual dan material adalah dua unsur yang tidak dapat dipisahkan dalam diri seseorang muslim. Pemisahan di antara keduanya akan mendatangkan

³²Ibn al-Qayyim, *op.cit*, jld. v, hlm. 60.

³³Al-Anfal(8): 60.

masalah besar kepada kehidupan orang-orang yang beriman. Lantaran itu al-Qur'an tidak pernah memisahkan kedua-dua unsur ini, kerana kedua-duanya adalah saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Malah pendekatan ini telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.'a.w. dengan jayanya samada semasa baginda berada di Mekah maupun di Madinah khususnya dalam melaksanakan jihad.